

**Umat Islam patut pertahan Dr. Zakir- Perkasa
Free Malaysia Today
Julai 8, 2016**

Perkasa memberi amaran keras kepada Timbalan Presiden MCCBCHST, Mohan Shan supaya tidak membuat tuduhan yang tidak berasas dan kesimpulan tanpa bukti yang kukuh.

PETALING JAYA: Perkasa percaya umat Islam sepatutnya mempertahankan pendakwah reputasi tinggi, Dr. Zakir Naik ekoran tuduhan kononnya beliau mempengaruhi kumpulan penganas melalui ucapannya untuk melakukan keganasan di Bangladesh baru baru ini.

Pengerusi Biro Hal Ehwal Islam Perkasa, Dr Amini Amir Abdullah berkata, Dr. Zakir adalah individu yang banyak membantu pihak berkuasa memahamkan Islam sebenar di peringkat antarabangsa.

“Beliau berceramah kepada berjuta manusia dan apakah berjuta ini telah menjadi penganas? Kalau seorang mendakwa menguna nama Dr Zakir apakah beliau terus di hukum?” soalnya menerusi satu kenyataan media hari ini.

Beliau juga memberi amaran keras kepada Timbalan Presiden Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST), Datuk RS Mohan Shan supaya tidak terlalu cepat membuat tuduhan yang tidak berasas dan kesimpulan tanpa bukti yang kukuh.

“MCCBCHST menuduh Dr. Zakir menyemai pemikiran orang muda dengan idea yang membawa kepada pemikiran terrorisme. Perkasa menggesa MCCBCHST agar lebih berhati-hati membuat kenyataan dan generalisasi yang berdasarkan sangkaan dan tohmahan semata mata.

“Siasatlah dengan mendalam sebelum membuat kenyataan biadap seperti ini. Berhati hatilah dalam membuat kenyataan yang menyentuh sensitiviti umat Islam. Jangan sekadar mengikut telunjuk dan berita pihak Barat yang tidak berasas,” katanya.

Pada masa yang sama, Perkasa juga menggesa MCCBCHST menarik balik kenyataan yang dilabelnya, biadap

“Jika tidak Perkasa menganggap mereka ada niat jahat yang tersurat. Mereka sebenarnya mahu memburukkan Dr. Zakir dan menghalangnya dari berceramah demi kebenaran agama,” simpul beliau.

Semalam, akhbar Bangladesh, The Daily melapor dua penganas yang terbabit dalam pembunuhan 20 tebusan di Dhaka, Bangladesh sebagai pengikut Zakir dan dua perekrut yang dipercayai anggota kumpulan militan Negara Islam (IS).

Akhbar itu juga menyatakan seorang daripada pegganas itu, Rohan Imtiaz menulis di Facebooknya tahun lalu bahawa Zakir menggesa semua umat Islam untuk menjadi pegganas.

Ekoran itu Mohan Shan menggesa Putrajaya untuk membatalkan anugerah Maal Hijrah yang diberikan kepada Zakir di samping menghalang beliau daripada menyampaikan ceramah di Malaysia, petik lapor Malaysian Insider.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/08/umat-islam-patut-pertahan-dr-zakir-perkasa/>